



AHG menang tempat kedua

Wartawan Sinar Harian
30 Mei 2018



Lee (tengah) bersama pengurusan Avillion Admiral Cove.

AVILLION Admiral Cove, sebuah hotel di bawah Kumpulan Avillion Hotel (AHG) meraih tempat kedua Anugerah Grand Prix Management anjuran Persatuan Hotel-Hotel Malaysia (MAH) bersama Anugerah Kakitangan Hotel MAH kelima.

Dalam satu kenyataannya, AHG berkata, anugerah itu disampaikan sempena Anugerah Makan Malam Gala MAH, Anugerah Kakitangan & Pengurusan Hotel 2018 diadakan di sebuah hotel di Selangor.

Pengurus Besar Kanan Avillion Admiral Cove, Robert Lee berkata, penyertaan pertama memasuki acara dwi tahunan itu mewakili Negeri Sembilan telah memberikan kemenangan kepada mereka.

"Kami bangga dengan pencapaian di Grand Prix Hotel Management kerana kami bersaing dengan hotel terkemuka di seluruh negara," katanya dalam satu kenyataan media.

Pada majlis itu, seramai 700 tetamu termasuk Pengurus Besar hotel di seluruh negara, rakan kongsi industri dan pemain hospitaliti hadir.

Anugerah Grand Prix Pengurusan Hotel MAH adalah cabaran utama dalam pengurusan Grand Prix Malaysia yang direka untuk pengusaha hotel bersaing dan di seluruh negara dan serantau.

Pertandingan itu menilai pasukan dalam pelbagai kemahiran pengurusan seperti membuat keputusan, membina pasukan, komunikasi pemecahan masalah dan perniagaan untuk mengatasi satu sama lain dalam semua bidang pengurusan hotel.

MAH sebagai rangkaian rasmi bagi industri hotel, mewakili hampir 1,025 hotel di seluruh Malaysia membekalkan sebanyak 159,047 bilik di seluruh negara.



Google Custom Search



INSTAGRAM



Hubungi Kami untuk lawatan

Email: lawatan@karangkraf.com
Perhubungan Awam & Komunikasi Korporat,
Kumpulan Media Karangkraf
Lot 1, Jalan Renggam 15/5, Off Persiaran
Selangor, Seksyen 15, 40200, Shah Alam, Selangor.

Kerjaya@Karangkraf



Be the first of your friends to like this

ARTIKEL BERKAITAN

- Seminar Al-Hafiz: Nikmatnya Faham & Hafal Al-Quran
- EDISI ISTIMEWA : MASKULIN COLLECTOR'S EDITION
- Saksikan Drama Sejuta Rasa Buat Adelia Di Astro Ria
- [#BETULBETULMURAH] JUALAN BUKU ONLINE TERBESAR DI MALAYSIA!
- Selamat Hari Raya Aidilfitri

0 Comments

Sort by Oldest

Add a comment...

Facebook Comments Plugin

WAKTU PERNIAGAAN ISNIN-JUMAAT 9.00 am- 5.30 pm	ALAMAT KUMPULAN MEDIA KARANGKRAF SDN BHD LOT 1, JANGAN RENGAM 15/5 OFF PERSIARAN Selangor SEKSYEN 15, SHAH ALAM Tel : +603-51017388	KAMI DI SINI 	BERHUBUNG BERSAMA
---	---	-------------------------	------------------------------